

13 JAN 2000

KCA-Air

KERAJAAN PERLU WASPADA JIKA MAHU SWASTA BEKALAN AIR

KOTA BAHARU, 13 Jan (Bernama) -- Kerajaan Negeri Kelantan diminta mengkaji secara lebih mendalam sekiranya ingin menswastakan semula projek bekalan air bersih di negeri ini agar ia tidak membebankan pengguna.

Yang Dipertua Persatuan Pengguna Kelantan (KCA) Yusof Ahmad berkata, ini memandangkan penswastakan kali pertama projek berkenaan yang membabitkan sebuah syarikat dari London, Thames Water, berakhir dengan kegagalan yang banyak menyusahkan pengguna.

"Pendekatan dan cara untuk membekalkan kemudahan air adalah bergantung kepada kerajaan, tetapi jangan sampai ia membebankan pengguna," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Yusof mengulas cadangan Kerajaan Negeri yang berkemungkinan membuat keputusan untuk menswasta Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) sekiranya gagal memperolehi pinjaman mudah RM600 juta daripada Kerajaan Pusat.

AKSB, syarikat tunggal pembekalan air bersih di negeri ini kini sepenuhnya di bawah Perbadanan Menteri Besar selepas konsesi penswastakan dengan Thames Water ditamatkan April tahun lepas.

Pada April itu juga, Kerajaan Pusat melalui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju memberi pinjaman mudah RM600 juta kepada Kerajaan Negeri untuk pembangunan sumber air bersih di negeri ini.

Yusof berkata melalui penswastakan yang lepas di bawah Kelantan Water Sdn Bhd (KWSB) syarikat itu gagal menyediakan bekalan air yang mencukupi dan pada masa yang sama kualiti air adalah rendah termasuk air berkarat dan berkeladak.

Kerajaan Negeri katanya, boleh menswastakan AKSB dengan cara tertentu bagi membolehkannya mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan.

"Pinjaman bank dan institusi kewangan dialu-alukan, tetapi ada caranya, iaitu jangan pengguna menanggung beban dengan membayar kos yang tinggi," katanya.

Menurut beliau, jika pengguna terus dibebankan dengan kos yang tinggi, ia memberi gambaran bahawa Kerajaan Negeri tidak bijak mentadbir negeri.

-- BERNAMA

SM PR